



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**KEMPEN KESELAMATAN KANAK-KANAK  
SAHABAT B.I.J.A.K. "SAFE AND PROTECT"**

**PADA**

**14 FEBRUARI 2017**

**DI DEWAN SRI PAKMA  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LUNDU**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya, kita dapat bertemu di sini dalam Majlis Perasmian Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K. "*Safe And Protect*" Peringkat Negeri Sarawak.
2. Terlebih dahulu sukacita saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih di atas usaha murni Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk meneruskan usaha melaksanakan program seperti ini dan pihak sekolah kerana memberi ruang kepada KPWKM untuk menyampaikan maklumat dan kempen yang amat bermakna demi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang berada di kawasan ini.

## **KEMPEN KESELAMATAN KANAK-KANAK SAHABAT B.I.J.A.K**

3. B.I.J.A.K. bukan sebarang bijak. BIJAK merupakan akronim bagi BANTERAS, INDEKS, JENAYAH, TERHADAP KANAK-KANAK. Justeru itu, dalam konteks kempen keselamatan ini ia meliputi usaha untuk mencegah, mengelak atau

membanteras kanak-kanak dari menjadi mangsa kegiatan jenayah yang berupa pengabaian, penderaan dan eksploitasi dari aspek fizikal, seksual dan emosi.

4. Sesungguhnya keselamatan kanak-kanak ini bukan sahaja terletak di bahu agensi-agensi di bawah kerajaan tetapi masyarakat sekeliling juga perlu bersama-sama memainkan peranan utama dalam memastikan komuniti mereka di dalam keadaan yang selamat. Setiap ahli masyarakat perlu mengenali ahli dalam komunitinya, dan memahami masalah-masalah yang timbul dalam komunitinya.
5. Melalui media cetak mahupun elektronik saban hari kita disajikan dengan bermacam-macam peristiwa membabitkan kanak-kanak yang terlibat dalam kemalangan atau sebagai mangsa penderaan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Perkara ini amat membimbangkan kami iaitu Kementerian yang bertanggungjawab dalam melindungi kepentingan kanak-kanak Malaysia.
6. Kementerian saya begitu memandang serius isu keselamatan kanak-kanak yang mewakili satu pertiga atau 10.5 juta daripada jumlah penduduk Malaysia berikutan kejadian jenayah, kecuaiian dan pengabaian yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

7. Prosedur mencegah kemalangan perlu dididik dan diterap didalam minda setiap kanak-kanak seawal mungkin. Kita tidak boleh beranggapan bahawa kanak-kanak mengetahui tentang risiko dan bahaya yang ada. Kejadian kemalangan boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di rumah, di sekolah, di padang permainan, di dalam kenderaan ibubapa, bas/van sekolah dan di jalan raya. Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi membendung peningkatan kemalangan di kalangan kanak-kanak.
8. Bagi mendidik kanak-kanak supaya mereka faham akan hak mereka dan tahu menjaga keselamatan diri maka mereka perlu memahami sama ada mereka adalah mangsa penderaan atau sebaliknya sama ada penderaan secara fizikal, seksual atau emosi.

Hadirin yang dihormati,

### **AKTA KANAK-KANAK PINDAAN 2016**

9. Tahun 2016 mencatatkan kejayaan kepada Kementerian apabila pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 telah diluluskan dan diwartakan sebagai **Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016**. Saya berharap melalui pindaan ini, kebajikan dan keselamatan kanak-kanak di Malaysia akan lebih terjamin. Antara pindaan yang dilakukan ialah - Daftar Kanak-Kanak, Perintah Khidmat Masyarakat (CSO),

penjagaan berasaskan keluarga dan kenaikan penalti. Akta ini telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017.

10. Akta ini akan menjadi pemangkin kepada kepentingan kanak-kanak secara holistik dan merupakan satu mandat Kerajaan yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dan lapisan masyarakat termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta sektor korporat.
11. Berteraskan akta ini, maka penganjuran program advokasi serta program yang mengkhusus kepada perkembangan dan pembangunan kanak-kanak perlu dititikberatkan. Ia dapat dilihat melalui pengendalian program-program khususnya kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan penyertaan seperti program pada hari ini.

Hadirin yang dihormati,

### **KEMPEN BIJAK 'SAFE AND PROTECT'**

12. Melalui **Kempen Keselamatan Kanak-Kanak – Sahabat B.I.J.A.K. "Safe And Protect"** ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kanak-kanak, ibubapa serta orang dewasa terutama dari aspek keselamatan dan perlindungan kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan lebih mendalam.

13. Marilah kita sama-sama berusaha serta berganding bahu mendidik dan menyedarkan bukan sahaja golongan kanak-kanak malah para ibubapa, guru-guru sekaligus segenap lapisan anggota masyarakat untuk merealisasikan usaha murni ini sehingga berjaya mencapai matlamat yang kita sasarkan.
  
14. Saya amat berharap dengan pelaksanaan **Kempen Keselamatan Kanak-Kanak - Sahabat B.I.J.A.K: "Safe And Protect"** pada hari ini, akan memberi impak positif terutamanya dalam memberi kesedaran dan kefahaman tentang pentingnya menjaga keselamatan kanak-kanak secara tak langsung akan mengurangkan kes yang melibatkan keselamatan kanak-kanak.

## **PENUTUP**

15. Sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak dan tidak lupa kepada PPD Lundu, Pejabat Daerah dan SMK Lundu kerana telah bekerja keras untuk memastikan kejayaan dan impak besar daripada program hari ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua ketua-ketua jabatan dan agensi yang terlibat. Juga tidak saya lupakan

kepada pelajar-pelajar, guru-guru, PIBG, ibu bapa dan semua hadirin yang bersama-sama pada petang ini.

**16.** Dengan rasa sukacitanya juga saya mengumumkan bahawa **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memperuntukkan sebanyak RM76,000.00 untuk menubuhkan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Lundu (PAKK).**

17. Saya berharap dengan penubuhan PAKK ini nanti akan memberi satu nafas baru kepada masyarakat di Daerah Lundu terutama kanak-kanak kerana ia merupakan satu lagi inisiatif Kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mencegah dan membendung masalah sosial di kalangan kanak-kanak sekaligus menyediakan ruang untuk kanak-kanak melakukan aktiviti-aktiviti yang lebih berfaedah dan menyeronokkan di masa lapang mereka.

18. Secara tidak langsung penubuhan PAKK Lundu ini diharap dapat menarik perhatian kanak-kanak berkumpul dengan melakukan aktiviti berfaedah yang dirancang mengikut kehendak kanak-kanak. Di PAKK ini nanti aktiviti mereka akan dipantau oleh penyelia dan petugas, maka ibubapa tidak perlu bimbang akan keselamatan anak-anak mereka di PAKK.

19. Jika tiada aktiviti di sekolah atau pada musim cuti sekolah kanak-kanak boleh hadir ke PAKK untuk melakukan pelbagai aktiviti termasuk menyiapkan kerja sekolah, tuisyen, bermain muzik, sukan, kesenian, in door game dan banyak lagi aktiviti yang akan dirancang oleh penyelia kelak. Ibubapa/penjaga, guru-guru dan masyarakat di Daerah Lundu adalah dialu-alukan untuk sama-sama memberi kerjasama dan melibatkan diri di dalam aktiviti PAKK kelak. Usaha murni ini adalah demi kesejahteraan kanak-kanak di Daerah Lundu. In Shaa Allah.

20. Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahirrahmannirahim saya dengan ini merasmikan **Kempen Keselamatan Kanak-Kanak SAHABAT B.I.J.A.K "Safe and Protect "**.

Sekian, Terima kasih.